



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
28 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 28 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah lapan (8) laporan kejadian kluster ILI daripada lima (5) buah negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 27 April 2010, sejumlah 42 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 13,522. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 570 kes. Daripada jumlah tersebut, 61 kes (10.7%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan yang dirawat di ICU adalah sembilan (9) kes di mana tujuh (7) daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko. Tiada laporan kematian H1N1 pada hari ini. Untuk makluman, jumlah terkumpul kematian H1N1 sehingga hari ini masih kekal 80 orang.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan influenza A(H1N1) masih terus aktif di dalam komuniti. Masyarakat perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah dihebahkan sebelum ini. Orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti ibu hamil, menghadapi penyakit kronik seperti asma, diabetes, buah pinggang, jantung dan lain-lain harus segera mendapatkan pelalian vaksin A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian seluruh negara. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Tarikh: 28 April 2010

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 28 April 2010

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	Taska Children Discovery House, Mont Kiara, Kuala Lumpur	156 orang	3 orang	1 sampel positif	Semua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
2.	Asrama Kolej Islam Sains dan Teknologi, Pasir Putih, Kelantan	50 orang	11 orang	Menunggu keputusan.	Semua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
3.	SMK St. Luke, Sri Aman, Sarawak	1050 orang	3 orang	Menunggu keputusan	Semua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
4.	SK Abang Aing, Sri Aman, Sarawak	779 orang	2 orang	Menunggu keputusan	Semua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
5.	Kem Pakit, Sri Aman, Sarawak	4 orang	2 orang	Menunggu keputusan	Semua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
6.	SMA Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar, Perak	514 orang	5 orang	1 sampel positif	Seorang telah dimasukkan ke wad dan diberi rawatan serta telah didiscaj.
7.	Tadika Junior Bukit Impian 2, Johor Bahru, Johor	62 orang	2 orang	Menunggu keputusan	Satu kes dimasukkan ke wad. Kedua-dua kes diberi rawatan antiviral.
8.	Sekolah Agama Bandar Kluang, Kluang, Johor	657 orang	2 orang	Menunggu keputusan	Semua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar